



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA**  
**8 NOVEMBER 2023**

**LANGGANAN SYER CBP AKAN DITUTUP PADA 31 DISEMBER 2023**

1. Co-opbank Pertama (CBP) mengumumkan akan menutup sementara langganan syer baharu dan tambahan kepada orang ramai pada 31 Disember 2023.
2. Bagaimanapun, orang ramai masih boleh melanggan syer CBP di cawangan-cawangan baharu yang bakal dibuka selepas tarikh berkenaan.
3. Ketua Pegawai Eksekutif, Khairil Anuar Mohammad Anuar berkata, penutupan langganan syer ini adalah berikutan CBP telah mencapai sasaran modal yang ditetapkan bagi menyokong pertumbuhan perniagaan sehingga 2026.
4. Terdahulu, pada Januari lalu, CBP telah membuka langganan syer kepada orang ramai bermula 1 Januari 2023 di semua cawangan-cawangan CBP di seluruh negara dengan kadar pertumbuhan modal syer telah berkembang lebih 25% sejak awal tahun ini.
5. "Seperti mana yang telah dinyatakan di dalam Pelan Strategik 2022-2026, ini merupakan salah satu perancangan untuk CBP menambah kekuatan modal bagi menyokong pertumbuhan perniagaan yang dijangka berkembang sekitar 20-25% setiap tahun.
6. "Oleh itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua anggota dan orang ramai yang telah melanggan syer CBP dan terus memberi kepercayaan dan sokongan kepada CBP," katanya.
7. Dalam masa yang sama, beliau turut menyeru orang ramai yang belum melanggan syer CBP terus berbuat demikian sebelum ianya ditutup pada 31 Disember ini.
8. Pembukaan semula syer ini terbuka kepada anggota baharu dan sedia ada dengan jumlah baki maksimum sehingga RM5 juta bagi individu dan bagi gerakan koperasi pula adalah sehingga 20% dari baki semasa modal syer CBP
9. "Untuk rekod, CBP mencatatkan keuntungan sebanyak RM103.4 juta bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 dengan agihan dividen sebanyak 6.3%," katanya.
10. Orang ramai yang ingin melanggan saham CBP boleh kunjungi ke 29 cawangan CBP di seluruh negara atau hubungi 1 300 88 7650 untuk maklumat lanjut.

-TERIMA KASIH-

### **Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 30 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

**Jabatan Komunikasi Korporat**

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CBP, KHAIRIL ANUAR MOHAMMAD ANUAR**

